

29 AUG 1996

DR MAHATHIR TIBA DI LABUAN

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk lawatan sehari ke pulau Wilayah Persekutuan ini.

Ketibaan Dr Mahathir bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di lapangan terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) disambut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad dan ketua-ketua jabatan Persekutuan.

Sejurus selepas tiba, Dr Mahathir merasmikan Ujana Kewangan Labuan berharga RM400 juta di sini.

Kompleks kewangan moden itu dijangka mengukuhkan lagi kedudukan pulau ini sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC).

Dr Mahathir yang mempunyai aturcara yang sibuk di pulau ini kemudian akan merasmikan Pesta Labuan sebelum melancarkan Financial Cup Regatta. Ini diikuti perasmian Hotel Sheraton Labuan, hotel bertaraf lima bintang berhampiran Ujana Kewangan Labuan.

Dr Mahathir juga dijadualkan merasmikan Hospital Nukleus Labuan dan Dewan Serbaguna Labuan pada sebelah petang, sebelum menghadiri jamuan malam di Ujana Kewangan Labuan.

Perdana Menteri akan berlepas ke Kota Kinabalu esok menjelang sambutan Hari Kebangsaan di situ Sabtu ini. -- BERNAMA

JS NMO